

Polis sahkan semua suspek ditahan sedang khayal

Serbuan dibuat susulan aduan bunyi bising di sebuah kondominium

Kuala Lumpur: Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador mengesahkan polis menahan 17 individu yang sedang khayal dalam satu parti dadah di sebuah kondominium di Jalan Puchong, di sini, awal pagi semalam.

Serbuan dilakukan oleh anggota dan pegawai Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields pada jam 4.40 pagi selepas menerima aduan orang ramai disebabkan bunyi bising.

Pada sidang media di Bukit Aman, beliau bagaimanapun enggan mendedahkan nama individu yang ditahan, termasuk dakwaan membabitkan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor yang tular di media sosial.

“Perkara ini (sudah) viral dan banyak dibincangkan di media sosial, tapi yakinlah dalam isu dadah ini, tiada kompromi di pihak saya (polis),” katanya.

Abdul Hamid berkata, daripada 17 individu yang ditahan berusia antara 20 hingga 53 tahun itu, 16 daripadanya positif dadah jenis ketamin termasuk enam wanita.

Mengulas mengenai tangkapan itu, beliau berkata serbuan dibuat susulan aduan yang diterima mengenai bunyi bising di sebuah kondominium.

“Sebaik memasuki premis berkenaan, polis mendapati ada 10 lelaki Melayu, seorang lelaki Cina, tiga wanita Melayu, seorang wanita Iban serta seorang wanita Sulu, semua warga negara Malaysia dan seorang wanita negara

jiran sedang khayal, berhibur dengan bunyi muzik kuat mengganggu ketenteraman.

“Pemeriksaan lanjut menemui satu paket berisi serbuk disyaki dadah ketamin seberat 0.5 gram, satu piring kaca berisi serbuk dipercayai dadah jenis ketamin seberat 0.3 gram dan sebatang rokok berisi ceraihan daun kering dipercayai ganja.

“Turut dirampas adalah daun turup serta lebih kurang 100 cip dipercayai untuk perjudian,” katanya sambil berkata kes disiasat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952), Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan Seksyen 6(1) Akta Rumah Judi Terbuka.

Awal pagi semalam, tular di media sosial mengenai seorang ADUN di Selangor dan beberapa pegawai khas ahli politik, antara 17 individu ditahan polis dalam satu operasi di sebuah kondominium di Jalan Puchong.

Abdul Hamid berkata, pihaknya enggan mendedahkan nama individu terbabit kerana dikhuatiri prejudis berikutan kes masih dalam siasatan.

“Saya bukan nak sembunyi tapi buat masa ini biar polis siasat terlebih dulu.

Dalam serbuan ini polis turut merampas 0.8 gram serbuk ketamin,” katanya.

Abdul Hamid turut menyifatkan kes berkenaan menyusahkan pihaknya kerana masih berlaku banyak kes penyalahgunaan dadah.

“Saya tidak akan biarkan orang masuk campur dalam kes ini, termasuk menukar kandungan bahan berkenaan.

“Pengaroh Jabatan Siasatan Narkotik akan memantau perkembangan kes ini dengan rapi dan tiada pihak terlepas daripada undang-undang,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari mengesahkan seor-



Abdul Hamid pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semalam mengesahkan penahanan 17 individu di sebuah kondominium.

(Foto BERNAMA)

rang ADUN dari parti itu ditahan polis pagi semalam.

Bagaimanapun, Abdul Rashid yang juga Naib Presiden BERSATU, tidak mengulas lanjut mengenai penahanan ADUN berkenaan kerana kes dalam siasatan polis.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pula menegaskan, tiada siapa melebihi undang-undang berhubung dakwaan seorang wakil rakyat negeri itu ditahan polis, semalam.

“Saya bagaimanapun perlu mendapatkan laporan lanjut daripada pihak berkuasa terutama polis berkenaan kejadian berkenaan, sama ada betul atau tidak serta apa akibatnya,” katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan Negeri di Dewan Jubli Perak, di sini.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman pula berkata pegawai Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang ditahan polis dalam serbuan itu digantung tugas sehingga siasatan dimuktamadkan.

Beliau menegaskan, semua rakyat Malaysia tertakluk kepada undang-undang tanpa mengira jawatan dan status mereka.

“Saya dimaklumkan berkenaan penahanan beberapa individu termasuk pegawai KBS oleh polis awal pagi tadi (semalam),” katanya.

Pengerusi Biro Politik Angkatan Muda Keadilan (AMK) P Arvindran pula mengesahkan seorang daripada suspek yang ditahan bersama ADUN terbabit adalah anggota Majlis Pimpinan Pusat AMK.